

## **TERMA & SYARAT AKAUN HONG LEONG PAY&SAVE-i**

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), Terma dan Syarat Kad Debit-i, Terma dan Syarat PEx Payment Collection dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dikenakan oleh **Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”)** dari semasa ke semasa dengan memberi dua puluh satu (21) hari Kalendar terlebih dahulu , serta juga undang-undang dan peraturan lain yang terikat pada HLISB.

### **Prinsip Syariah**

1. Akaun Hong Leong Pay&Save-i adalah berdasarkan kepada Prinsip Syariah Tawarruq\* dan prinsip - prinsip Syariah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.
  - 1.1 \*\*“Tawarruq” juga dikenali sebagai “Murabahah (melalui pengaturanTawarruq)” merujuk kepada urus niaga jual beli berbilang dalam satu masa tertentu. Dalam produk ini, pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan kemudian menjual Komoditi kepada HLISB pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan pada akhir tamat tempoh (selepas mengambil kira apa-apa rebat, sekiranya ada). HLISB selepas itu akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai.

### **Kelayakan**

2. **Akaun Hong Leong Pay&Save-i (“Akaun”)** terbuka kepada individu termasuk warganegara Malaysia dan Pemastautin bukan warganegara Malaysia berumur **lapan belas (18)** ke atas, sama ada atas nama tunggal atau nama bersama (“**Pemegang Akaun**”).
3. Pemastautin bukan warganegara Malaysia tertakluk kepada pengawasan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia di bawahnya..
4. Empunya Tunggal, Perkongsian, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan yang lain tidak layak membuka atau mengendalikan Akaun tersebut.
5. Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)**.
6. Pencadang tidak diperlukan untuk membuka Akaun.
7. Setiap Pemegang Akaun hanya layak mengendalikan **satu (1)** Akaun Hong Leong Pay&Save-i.
8. Kemudahan Aliran Tunai-i tidak disediakan bagi Akaun ini.
9. Adalah wajib bagi Pemegang Akaun untuk mendaftar untuk Hong Leong Connect (“HL Connect”).

### **Keuntungan daripada Simpanan**

10. Kadar pelbagai peringkat keuntungan efektif (EPR) atas baki kredit Akaun dikira berdasarkan kaedah baki berikutnya (pecahan berperingkat).
11. Kadar keuntungan kontrak (CPR) dirumus daripada hasil penambahan kadar tertinggi keuntungan efektif (EPR) bagi keuntungan simpanan dan juga kadar tertinggi keuntungan e-Xtra. Bagi Pemegang Akaun yang memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti, kadar tertinggi Keuntungan Bonus Dagangan Saham turut akan dimasukkan dalam kiraan CPR. Perbezaan antara CPR dan EPR adalah rebat tersedia digunakan bagi Keuntungan e-Xtra dan Keuntungan Bonus. Sekiranya amaun rebat habis digunakan, Pemegang Akaun tidak akan diberikan keuntungan e-Xtra atau keuntungan Bonus.

12. Keuntungan dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki penghujung hari (tidak termasuk apungan) dan dikreditkan pada hari terakhir setiap suku tahun ke dalam Akaun (iaitu 31 Mac, 30 Jun, 30 September dan 31 Disember) atau pada hari Akaun ditutup.
13. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan kadar keuntungan yang berikutnya, maka kadar keuntungan yang terakru (berdasarkan bilangan hari akaun itu aktif dari tarikh terakhir pengkreditan kadar keuntungan) akan dikreditkan pada hari Akaun ditutup.
14. Kadar keuntungan terkini boleh didapati di laman web korporat HLISB [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman web HLISB").

#### **Keuntungan e-Xtra atas e-Bayaran**

15. Pemegang Akaun layak mendapat Keuntungan e-Xtra pada bulan berkenaan dengan syarat Pemegang Akaun telah membuat sebilangan e-Bayaran dan/atau transaksi PEx yang dikehendaki daripada Akaun atau menerusi Kad Debit-i Hong Leong ("**Kad Debit-i**") dimana Akaun tersebut telah ditandakan sebagai akaun pembelian runcit.
16. e-Bayaran dan transaksi PEx yang layak menerima Keuntungan e-Xtra ditakrif seperti berikut ("**e-Bayaran Layak**"):

<u>Bil.</u>	<u>e-Bayaran Layak</u>	<u>Mod Bayaran</u>	<u>Amaun Minimum Transaksi</u>
1	Kad Kredit/-i	Akaun	RM300
2	Pembayaran/Pinjaman Kereta/Rumah/Peribadi	Akaun	RM300
3	Bil Utiliti <i>(Contoh: Astro, SYABAS, TENAGA, Indah Water, Majlis Perbandaran &amp; Majlis Bandaraya)</i>	Akaun atau Kad Debit-i	RM100
4	Telekomunikasi <i>(Contoh: Maxis, Celcom, DIGI, TMNet, Telekom &amp; Redtone)</i>	Akaun atau Kad Debit-i	RM100
5	Takaful / Insurans <i>(Rujuk kepada Lampiran 1 untuk senarai penuh)</i> <i>(Contoh: AIA, Prudential, HLA, Allianz, AFA Affin, Great Eastern Life, Kurnia, Tokio Marine, Mitsui Sumitomo, Manulife, ING, ETIQA, Oriental Capital, MCIS Zurich, Syarikat Takaful, dll.)</i>	Akaun atau Kad Debit-i	RM100
6	GIRO Antara Bank ("IBG")	Akaun	RM100
7	Bayaran Bil melalui HLConnect <i>(Rujuk kepada Lampiran 2 untuk senarai penuh perbadanan penerima berdaftar)</i>	Akaun	RM100
8	MEPS FPX <i>(Debit Terus dalam talian kepada peniaga berdaftar)</i>	Akaun	RM100

9	PEx – Payment Express <ul style="list-style-type: none"> <li>• PEx Internet Collection</li> <li>• PEx ATM Collection</li> </ul>	Akaun	RM100
---	---	-------	-------

17. Pindahan dana antara Akaun Simpanan atau Semasa/i Hong Leong termasuk **pihak ketiga (ke-3)** dan pindahan antara cawangan di dalam HLISB/HLB dan PEx – Akaun HLISB/HLB tidak dianggap e-Bayaran Layak.
18. Keuntungan e-Xtra diberi berdasarkan peringkat bilangan e-Bayaran Layak yang berjaya dilakukan dalam bulan berkenaan seperti berikut:

<b>Bilangan e-Bayaran Layak yang berjaya dibayar setiap bulan</b>	<b>Kadar Keuntungan setahun</b>
4 - 6	0.50%
7 - 9	0.75%
10 - 14	1.00%
15 dan ke atas	1.90%

19. Keuntungan e-Xtra dikira berdasarkan **Baki Purata Harian (“DAB”)** Akaun pada akhir bulan.

**Keuntungan e-Xtra = DAB x Masa (T) x Kadar (R)**

**Di mana:**

DAB = Jumlah baki lejar akhir hari / Jumlah bilangan hari dalam bulan

Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan / Bilangan hari dalam tahun, berdasarkan tahun kalender 365 hari

Kadar (R) = Kadar Keuntungan e-Xtra berdasarkan bilangan e-Bayaran Layak yang berjaya

20. Keuntungan e-Xtra dikira pada akhir bulan dan dikreditkan setiap **1 hari bulan (1 hb.)** bulan berikutnya.
21. e-Bayaran Layak yang tidak berjaya atau dibalikkan atas apa jua sebab akan ditolak selesai daripada bilangan e-Bayaran Layak yang berjaya dalam bulan berikutnya.
22. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan e-Xtra yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan e-Xtra (jika ada).
23. Pemegang Akaun boleh melakukan e-Bayaran Layak dengan mendaftar untuk **Arahan Tetap (“SI”)** bulanan atau membuat **satu (1)** kali bayaran melalui saluran **e-Bayaran** yang berikut:
  - (i) A) HL Connect Perbankan Bergerak
  - (ii) ATM
  - (iii) IVR
  - (iv) Melalui kaunter (*pendaftaran SI hanya di cawangan domisil*)
  - (v) Debit Terus daripada peniaga
24. Had transaksi bagi e-Bayaran dikawal oleh had harian yang ditetapkan. Pemegang Akaun boleh menukar had harian ini melalui laman web HLISB/HLB, perbankan telefon atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

### Keuntungan Bonus Kad Debit-i

25. Pemegang Akaun layak mendapat Keuntungan Bonus Kad Debit-i dengan syarat melakukan sekurang-kurangnya **satu (1)** transaksi runcit daripada Kad Debit-i dimana Akaun tersebut telah ditandakan sebagai akaun pembelian runcit.
26. Untuk layak mendapat Keuntungan Bonus Kad Debit-i, setiap transaksi (penggunaan) mestilah berjaya dicatatkan dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam satu resit.
27. Keuntungan Bonus Kad Debit-i maksimum dihadkan pada RM30 sebulan.
28. Keuntungan Bonus Kad Debit-i diberi berdasarkan peringkat bilangan transaksi runcit Kad Debit-i yang berjaya dilakukan dalam bulan berkenaan seperti berikut:

<u>Bil. Transaksi Kad Debit-i dalam sebulan</u>	<u>Kadar Keuntungan Bonus Kad Debit-i setahun</u>
1	0.12%
2	0.24%
3	0.36%
4	0.48%
5 dan ke atas	0.80%

\*Kadar Keuntungan Bonus Kad Debit-i adalah tertakluk kepada perubahan

29. Transaksi runcit Kad Debit-i yang layak mendapat Keuntungan Bonus Kad Debit-i ditakrifkan seperti berikut (“Transaksi Layak”):

<u>Bil.</u>	<u>Transaksi Layak</u>	<u>Perbelanjaan Minimum Setiap Transaksi</u>
1	Petrol	
2	Membeli-belah	
3	Barang Keperluan Dapur	
4	Restoran	
5	Lain-lain Penggunaan Kad Debit-i	RM30

30. Lebih banyak Transaksi Layak dibuat dalam sebulan, lebih tinggilah Keuntungan Bonus Kad Debit-i diperolehi.
31. Keuntungan Bonus Kad Debit-i dikira berdasarkan **Baki Purata Harian (“DAB”)** Akaun pada akhir bulan.

$$\text{Keuntungan Bonus Kad Debit-i} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Di mana:

DAB = Jumlah baki lejar akhir hari / Jumlah bilangan hari dalam bulan

Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan / Bilangan hari dalam tahun (cth: 365 hari)

Kadar (R) = Kadar Keuntungan Bonus Kad Debit-i berdasarkan bilangan Transaksi Kad Debit-i Layak yang berjaya

32. Keuntungan Bonus Kad Debit-i dikira pada akhir bulan dan dikreditkan setiap **1 haribulan (1hb)** bulan berikutnya.
33. Transaksi Layak yang tidak berjaya atau dibalikkan atas apa jua sebab akan ditolak selesai daripada bilangan Transaksi Kad Debit-i yang berjaya dalam bulan berikutnya.
34. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan Bonus Kad Debit-i yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan Bonus Kad Debit-i (jika ada).

#### Ciri Dagangan Sekuriti

Berikut merupakan terma, syarat dan takrifan tertentu yang akan terpakai pada Pemegang Akaun yang telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti ("Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti"). Sekiranya terdapat sebarang konflik atau ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti dan T&S ini, Terma dan Syarat Dagangan Sekuriti akan terpakai.

35. Ciri Dagangan Sekuriti hanya akan dibenarkan untuk Pemegang Akaun yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - (a) Pemegang Akaun telah mendaftar untuk HL Connect dan telah memohon untuk Ciri Dagangan Sekuriti;
  - (b) Pemegang Akaun telah membuka Akaun Dagangan HLeBroking ("Akaun Dagangan") dengan Hong Leong Investment Bank Berhad ("HLIB") dan akaun Sistem Depositori Pusat ("Akaun CDS") melalui HLIB yang akan dihubungkan kepada Akaun, untuk tujuan dagangan sekuriti di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") dan/atau bursa sekuriti lain yang diluluskan seperti yang ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa ("Sekuriti Yang Diluluskan");
  - (c) Akaun tersebut akan dihubungkan kepada Akaun Dagangan dan Akaun CDS; dan
  - (d) Semua urus niaga Sekuriti Yang Diluluskan akan dilaksanakan melalui HLIB dengan menggunakan perkhidmatan pelabur elektronik HLIB yang dikenali sebagai HLeBroking ("Perkhidmatan HLeBroking") dan diakses melalui HL Connect. Pautan ke Perkhidmatan HLeBroking akan tersedia di HL Connect sebagai cara alternatif untuk Pemegang Akaun mengakses Perkhidmatan HLeBroking
36. Setiap belian Sekuriti Yang Diluluskan oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan yang dibuka menurut Klausa 35 di atas adalah tertakluk kepada Dana Yang Tersedia (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 37 di bawah).
37. "Dana Yang Tersedia" adalah bermaksud jumlah wang yang ada di dalam Akaun dan tersedia untuk digunakan oleh Pemegang Akaun, termasuk penggunaan Dana Yang Tersedia untuk tujuan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan melalui HLIB.
38. Dana Yang Tersedia di dalam Akaun akan dikendalikan secara berikut:
  - 38.1 Had Dagangan untuk pembelian Sekuriti Yang Diluluskan
    - (a) Had dagangan yang tersedia kepada Pemegang Akaun untuk membeli Sekuriti Yang Diluluskan melalui Perkhidmatan HLeBroking adalah dikira dan ditentukan oleh HLISB, berdasarkan Dana Yang Tersedia ("Had Dagangan"), dengan mengambil kira anggaran komisen pembrokeran dan kos-kos lain yang berkaitan dengan pembelian Sekuriti Yang Diluluskan ("Kos Transaksi").

- (b) Had Dagangan akan dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan baki kredit yang tersedia di dalam Akaun, dan pengiraan dan penentuan Had Dagangan oleh HLISB adalah yang terakhir dan muktamad.
- (c) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa sekuriti yang dijual oleh Pemegang Akaun dengan menggunakan Akaun Dagangan tidak akan diambil kira oleh HLISB dalam menentukan Had Dagangan sebelum tarikh penyelesaian yang berkaitan dengan penjualan tersebut.
- (d) Tanpa prejudis kepada hak pengiraan dan penentuan HLISB sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, semua amaun yang diperuntukkan untuk pembelian apa-apa Sekuriti Yang Diluluskan (termasuk Kos Transaksi belum bayar) dan/atau apa-apa transaksi perbankan yang lain (termasuk perbelanjaan runcit melalui Kad Debit-i) akan ditolak daripada dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Dana Yang Tersedia dalam pengiraan Had Dagangan.

### 38.2 Peruntukan untuk pesanan belian

Dana Yang Tersedia akan diperuntukkan sebaik sahaja pesanan belian untuk Sekuriti Yang Diluluskan dibuat di mana amaun yang diperuntukkan adalah bersamaan dengan jumlah harga belian Sekuriti Yang Diluluskan dan Kos Transaksi. Amaun yang diperuntukkan tidak akan tersedia untuk pengeluaran dan/atau pindahan oleh Pemegang Akaun sehingga tarikh penyelesaian menurut Peraturan Sistem Penyerahan dan Penyelesaian Tetap Bursa Malaysia (“Peraturan FDSS”), di mana:

- (i) ia akan digunakan untuk penyelesaian harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli dan berkaitan; atau
- (ii) peruntukan akan dilepaskan sekiranya pesanan belian tidak dipadankan.

### 38.3 Penyelesaian Dagangan

- 38.3.1 Pada tarikh penyelesaian menurut Peraturan FDSS, HLISB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk menggunakan amaun yang diperuntukkan sebagaimana Klaus 37.2 di atas seperti berikut:
- (a) bagi penyelesaian semua kontrak belian di bawah Akaun Dagangan; dan/atau
- (b) bagi penyelesaian kontrak belian di mana kaunter yang akan diserah untuk kontrak belian yang telah dilaksanakan digantung daripada dagangan oleh pengawal selia pasaran yang berkaitan atas sebarang sebab.
- 38.3.2 Sekiranya amaun yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk penyelesaian semua kontrak belian, Pemegang Akaun mesti menyelesaikan perbezaan di antara harga belian dan Kos Transaksi Sekuriti Yang Diluluskan yang dibeli dan berkaitan (“Jumlah Perbezaan”) sebelum HLISB mengirim amaun yang diperuntukkan ke HLIB.
- 38.3.3 Sekiranya HLISB dinasihati oleh HLIB akan adanya kerugian kontra, nota debit dan perbelanjaan yang ditanggung secara munasabah yang berkaitan dengan dan mematuhi terma dan syarat yang menguasai Akaun Dagangan (“Kerugian Kontra/Nota Debit”), HLISB dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Akaun untuk mendebit Akaun Pemegang Akaun untuk Kerugian Kontra/Nota Debit tersebut sebagaimana yang dinasihati oleh HLIB kepada HLISB tanpa perlu mendapatkan keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pemegang Akaun.
- 38.3.4 Apa-apa dan semua hasil jualan yang diterima untuk Akaun Dagangan akan dikreditkan ke dalam Akaun menurut Peraturan FDSS. Sekiranya HLISB dinasihati oleh HLIB akan adanya keuntungan kontra, keuntungan kontra tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun tidak lewat daripada tiga (3) hari daripada tarikh kontra.

39. Apabila memperuntukkan Dana Yang Tersedia sebaik sahaja pesanan belian dibuat oleh Pemegang Akaun untuk belian Sekuriti Yang Diluluskan, HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk memeriksa dan memastikan bahawa terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun selepas memperuntukkan dana sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, bagi memenuhi apa-apa SI yang telah diatur oleh Pemegang Akaun. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan yang terdapat wang yang mencukupi di dalam Akaun untuk memenuhi kewajipan apa-apa SI yang telah diberikan kepada HLISB dan HLISB tidak akan tertakluk kepada dan bertanggungjawab ke atas apa-

apa tuntutan, kerugian, liabiliti, kewajipan, denda, kos dan perbelanjaan lanjutan daripada atau berkaitan dengan SI yang tidak berjaya.

40. Hanya untuk dan kecuali pindaan berikut yang terpakai ke atas Akaun, Terma dan Syarat Am Akaun HLISB akan terpakai untuk Akaun:

- 40.1 Pengendalian Akaun yang dipegang secara bersama oleh dua (2) atau lebih individu adalah berdasarkan bahawa mana-mana Pemegang Akaun boleh mengendalikan Akaun pada bila-bila masa.
41. Pemegang Akaun yang telah berjaya melanggan Ciri Dagangan Sekuriti dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik dan membenarkan HLISB, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan Akaun kepada HLIB untuk memudahkan urus niaga Sekuriti Yang Diluluskan menurut arahan Pemegang Akaun, dan pengendalian Akaun Dagangan serta Akaun CDS menurut Ciri Dagangan Sekuriti.

42. Keuntungan Bonus Dagangan Saham

42.1 Pemegang Akaun layak mendapat Keuntungan Bonus Dagangan Saham (seperti yang ditakrifkan dalam Klause 41.2 di bawah) dengan syarat Pemegang Akaun telah membuat sekurang-kurangnya satu (1) belian atau jualan Sekuriti Yang Diluluskan yang berjaya dengan menggunakan Akaun Dagangan ("Pemegang Akaun Yang Layak").

42.2 Keuntungan bonus atas baki kredit yang tersedia di dalam Akaun ("Keuntungan Bonus Dagangan Saham") akan diberi kepada Pemegang Akaun Yang Layak secara berperingkat berdasarkan jumlah amaun dagangan oleh Pemegang Akaun dalam bulan kalender ("Jumlah Amaun Dagangan Bulanan" atau "MTA") seperti berikut:

MTA (RM)	Kadar Keuntungan setahun*
Sehingga RM20,000	0.30%
Sehingga RM30,000	0.50%
Sehingga RM100,000	0.70%
Melebihi RM100,000	0.90%

\*Kadar Keuntungan adalah tertakluk kepada perubahan

**Nota:**

**Jumlah Amaun Dagangan Bulanan (MTA) dikira berdasarkan:**

**(i) Transaksi Belian:**

$$\text{Jumlah Dagangan Bulanan (MTA)} = (\text{Unit} \times \text{Harga Belian}) + \text{Kos Transaksi}$$

**(ii) Transaksi Jualan:**

$$\text{Jumlah Dagangan Bulanan (MTA)} = (\text{Unit} \times \text{Harga Jualan}) + \text{Kos Transaksi}$$

42.3 Semakin besar MTA yang dibuat dalam sebulan, semakin tinggi Keuntungan Bonus Dagangan Saham yang diperoleh atas baki kredit di dalam Akaun.

42.4 Keuntungan Bonus Dagangan Saham dikira berdasarkan DAB Akaun pada akhir bulan kalendar seperti formula di bawah:

$$\text{Keuntungan Bonus Dagangan Saham} = \text{DAB} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Di mana:

DAB	=Jumlah baki lejar akhir hari / Jumlah bilangan hari dalam bulan
Masa (T)	=Bilangan hari dalam bulan / Bilangan hari dalam tahun, berdasarkan tahun kalendar 365 hari
Kadar (R)	=Keuntungan Bonus Dagangan Saham berdasarkan jumlah MTA pada akhir bulan

42.5 Keuntungan Bonus Dagangan Saham dikira pada akhir bulan dan dikreditkan setiap 1 hari bulan (1 hb.) bulan berikutnya.

42.6 Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan Bonus Dagangan Saham yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan Bonus Dagangan Saham (jika ada).

### **10% setahun Keuntungan Bonus (“Keuntungan Bonus”)**

43. Keuntungan Bonus hanya diberi jika Pemegang Akaun menggunakan Akaun untuk pengkreditan gaji bulanan menerusi **Perkhidmatan e-Bayaran Hong Leong (“Akaun Gaji Hong Leong”)**.
44. Keuntungan Bonus dikira berdasarkan baki penghujung hari sepanjang Tempoh Bonus dan dikreditkan setiap suku tahun ke dalam Akaun (iaitu 1 April, 1 Julai, 1 Oktober dan 1 Januari).
45. Keuntungan Bonus diberi untuk **lima (5)** hari saja dari **Hari 1 hingga Hari 5 (“Tempoh Bonus”)**.
46. **Hari 1** ditakrifkan sebagai gaji, upah, bonus, elaua, tuntutan perubatan atau apa-apa amaun **pertama (1)** yang dikreditkan ke dalam Akaun melalui Akaun Gaji Hong Leong setiap bulan.
47. Baki minimum penghujung hari untuk layak menerima Keuntungan Bonus ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**, manakala baki maksimum ialah **Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000)**.
48. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya **satu (1)** hari atau lebih baki penghujung hari sepanjang Tempoh Bonus menjadi kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**, maka hari (hari-hari) tersebut tidak akan diambil kira dalam pengiraan Keuntungan Bonus.
49. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Keuntungan Bonus yang berikutnya, Pemegang Akaun bersetuju untuk mengetepikan Keuntungan Bonus (jika ada).
50. Kadar Keuntungan Bonus adalah tertakluk kepada perubahan.

### **Penyata Dua Bulan Sekali**

51. Buku Akaun tidak akan dikeluarkan. Akan tetapi Pemegang Akaun boleh melihat penyata Akaun melalui HLConnect setiap **dua (2)** bulan sekali bagi tempoh penyata berikut:
  - 1 Januari – 28 / 29 Februari
  - 1 Mac – 30 April
  - 1 Mei – 30 Jun
  - 1 Julai – 31 Ogos
  - 1 September – 31 Oktober
  - 1 November – 31 Disember
52. Tiada Penyata Akaun disediakan untuk penyatuan ke dalam Penyata Penyatuan Akaun Semasa One-i Hong Leong.
53. Bagi Akaun dengan Ciri Dagangan Sekuriti, penyata Akaun akan dihantar kepada Pemegang Akaun:
  - Setiap bulan apabila Akaun Dagangan diaktifkan;
  - Setiap dua bulan apabila Akaun Dagangan ditutup.

### **Yuran dan Caj**

54. Yuran dan caj berikut dikenakan kepada Akaun dan tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (“GST”), di mana yang berkenaan:

Keterangan	Yuran dan Caj
Semua urusniaga dalam talian (IBG, IBT, SI, dll.)	Seperti Yuran dan Caj HL Connect
Caj Perkhidmatan (apabila baki purata bagi setengah tahun kurang daripada RM200)	RM5 setiap setengah tahun (Jun dan Disember)
Kad Debit-i	Yuran Pengeluaran Dikecualikan. Yuran lain adalah seperti Yuran dan Caj Kad Debit-i
Pembukaan Akaun CDS	RM10 setiap akaun

55. Tertakluk kepada yuran dan caj standard Akaun simpanan-i.

AM

HLISB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi notis **dua puluh satu (21) hari kalender** terlebih dahulu untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma & syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarannya dalam laman web HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses laman web dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat dan memastikan supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma & syarat.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

### Lampiran 1

#### Takaful / Insurans

No	Nama Penuh
1	AAMI
2	ALLIANZ
3	AM ASSURANCE
4	AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE
5	AXA AFFIN INSURANCE
6	BERJAYA SOMPO INSURANCE
7	CIMB AVIVA ASSURANCE
8	ETIQA INSURANCE
9	GREAT EASTERN LIFE
10	HONG LEONG ASSURANCE
11	HONG LEONG TOKIO MARINE

12	ING INSURANCE
13	JERNEH INSURANCE
14	KURNIA INSURANCE
15	LONPAC INSURANCE
16	MALAYSIAN ASSURANCE ALLIANCE
17	MANULIFE INSURANCE
18	MCIS ZURICH INSURANCE
19	MITSUI SUMITOMO INSURANCE
20	MUI CONTINENTAL INSURANCE
21	MULTI-PURPOSE INSURANCE
22	ORIENTAL CAPITAL ASSURANCE
23	OVERSEAS ASSURANCE
24	PACIFIC & ORIENT
25	PROGRESSIVE INSURANCE
26	PRUDENTIAL ASSURANCE
27	RHB INSURANCE
28	SYARIKAT TAKAFUL (M) BHD
29	THE PACIFIC INSURANCE
30	TOKIO MARINE INSURANS
31	UNI.ASIA LIFE ASSURANCE

## Lampiran 2

### Perbadanan Penerima Berdaftar HL Connect

No	Nama Penuh	Penerima Kategori
1	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)	Penilaian
2	LEMBAGA BIASISWA NEGERI KEDAH	Penilaian
3	MAJIS DAERAH SIK	Penilaian
4	MAJLIS BANDARAYA IPOH	Penilaian
5	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	Penilaian
6	MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU	Penilaian
7	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)	Penilaian
8	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	Penilaian
9	MAJLIS DAERAH BALING	Penilaian
10	MAJLIS DAERAH KEMAMAN	Penilaian
11	MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU	Penilaian

12	MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH	Penilaian
13	MAJLIS DAERAH YAN	Penilaian
14	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)	Penilaian
15	MAJLIS PERBANDARAN BENTONG	Penilaian
16	MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN	Penilaian
17	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG-CUKAI PINTU	Penilaian
18	MAJLIS PERBANDARAN KELANG	Penilaian
19	MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU	Penilaian
20	MAJLIS PERBANDARAN KULIM	Penilaian
21	MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG	Penilaian
22	MAJLIS PERBANDARAN NILAI	Penilaian
23	MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON	Penilaian
24	MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG	Penilaian
25	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-CUKAI BANGUNAN	Penilaian
26	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-CUKAI TANAH	Penilaian
27	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-KOMPAUN	Penilaian
28	MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI-SEWA GERAI	Penilaian
29	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	Penilaian
30	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSBJ)	Penilaian
31	MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI	Penilaian
32	MAJLIS PERBANDARAN TAIPING	Penilaian
33	PEJABAT TANAH & GALIAN NEGERI MELAKA	Penilaian
34	PEJABAT TANAH & GALIAN SELANGOR	Penilaian
35	PEJABAT TANAH & GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	Penilaian
36	NATIONAL COUNCIL FOR THE BLIND, MALAYSIA	Amal
37	PERSATUAN KEBAJIKAN RUMAH GRACE KLANG	Amal
38	PERSATUAN PENJAGAAN KANAK-KANAK CACAT KLANG SELANGOR	Amal
39	AZIO E-PAY SERVICE (M) SDN BHD	Edagang
40	NB TRAVEL SDN BHD	Edagang
41	NETBUILDER (M) SDN BHD	Edagang
42	KUTIPAN YAYASAN SARAWAK	Pendidikan
43	LEMBAGA KUMPULAN WANG BIASISWA/ PINJAMAN ANAK PERAK	Pendidikan
44	LEMBAGA TABUNG AMANAH BIASISWA DAN PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG	Pendidikan
45	MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	Pendidikan
46	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)-LOAN ACCOUNT	Pendidikan
47	TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR	Pendidikan
48	YAYASAN PAHANG	Pendidikan
49	YAYASAN SABAH	Pendidikan
50	YAYASAN SELANGOR	Pendidikan

51	ASTRO	Hiburan
52	TELELINK	Hiburan
53	AEON CREDIT SERVICES (M) BERHAD	E-Beli belah
54	BLOOMING FLORIST SDN BHD	E-Beli belah
55	COURTS MAMMOTH	E-Beli belah
56	EGONUTRITIONS SDN BHD	E-Beli belah
57	EPP SOLUTION SDN BHD	E-Beli belah
58	ESTYLE SDN BHD	E-Beli belah
59	INTERBASE (WWW.LELONG.MY)	E-Beli belah
60	INTERBASE (WWW.SUPERBUY.MY)	E-Beli belah
61	MICES TECHNOLOGY SDN BHD	E-Beli belah
62	MYNEWS.COM	E-Beli belah
63	PETALBEES FLORISTS & GIFTS	E-Beli belah
64	PHHP MARKETING (M) SDN BHD	E-Beli belah
65	STEMLIFE BERHAD	E-Beli belah
66	WOONGJIN COWAY (M) SDN BHD	E-Beli belah
67	LEMBAGA TABUNG HAJI	Dana
68	HONG LEONG ASSURANCE BHD-TRADITIONAL LIFE	Insurans
69	HONG LEONG ASSURANCE BHD-UNIT LINKED	Insurans
70	HONG LEONG ASSURANCE-TRADITIONAL LIFE-CC	Insurans
71	HONG LEONG ASSURANCE-UNIT LINKED-CC	Insurans
72	HONG LEONG MSIG TAKAFUL-GENERAL	Insurans
73	MAA ASSURANCE-LIFE POLICY (CASA)	Insurans
74	MAA ASSURANCE-LIFE POLICY (CREDIT CARD)	Insurans
75	MAA TAKAFUL BERHAD-CASA	Insurans
76	MAA TAKAFUL BERHAD-CC	Insurans
77	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN SBH)	LHDN
78	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN SEM)	LHDN
79	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN SWK)	LHDN
80	SUNWAY HEALTHY LIFESTYLE SDN BHD	Keahlian
81	SUNWAY INTERNATIONAL VACATION CLUB BHD	Keahlian
82	THE ROYAL SELANGOR GOLF CLUB	Keahlian
83	AUTOWORLD.COM.MY	Motor
84	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-FUTURES & OPTIONS	Broker Saham & Niaga Hadapan
85	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-IPOH BRANCH	Broker Saham & Niaga

		Hadapan
86	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-KL BRANCH	Broker Saham & Niaga Hadapan
87	HONG LEONG INVESTMENT BANK BERHAD-PJ BRANCH	Broker Saham & Niaga Hadapan
88	CELCOM (MALAYSIA) SDN BHD	Telco & Internet
89	DIGI	Telco & Internet
90	MAXIS	Telco & Internet
91	P1.COM SDN BHD	Telco & Internet
92	REDTONE- E-PURSE	Telco & Internet
93	REDTONE TELECOMMUNICATIONS SDN BHD	Telco & Internet
94	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	Telco & Internet
95	TELEKOM UNIFI	Telco & Internet
96	TMNET SDN BHD	Telco & Internet
97	XOX COM	Telco & Internet
98	MALAYSIA HARMONY	Perjalanan
99	BEKALAN AIR PULAU PINANG	Utiliti
100	EXTIVA COMMUNICATIONS SDN BHD	Utiliti
101	GAS MALAYSIA SDN BHD	Utiliti
102	INDAH WATER KONSORTIUM (IWK) SDN BHD	Utiliti
103	JABATAN AIR NEGERI SABAH	Utiliti
104	JABATAN KERJA RAYA AIR PERLIS	Utiliti
105	LEMBAGA AIR KUCHING	Utiliti
106	SABAH ELECTRICITY SDN BHD	Utiliti
107	SABAH ELECTRICITY SUPPLY CORPORATION -SESCO	Utiliti
108	SIBU WATER BOARDS (SWB)	Utiliti
109	SYABAS	Utiliti
110	SYARIKAT AIR DARUL AMAN	Utiliti
111	SYARIKAT AIR JOHOR BERHAD	Utiliti
112	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	Utiliti
113	SYARIKAT AIR NEGERI SEMBILAN (SAINS)	Utiliti
114	SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD	Utiliti
115	TENAGA NASIONAL BERHAD	Utiliti
116	ACME COMMERCE SDN BHD	Webhosting
117	PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (WILAYAH PERSEKUTUAN)	Zakat
118	PUSAT ZAKAT MELAKA	Zakat
119	PUSAT ZAKAT NEGERI SEMBILAN	Zakat
120	PUSAT ZAKAT PERAK	Zakat
121	PUSAT ZAKAT SELANGOR	Zakat

122	TABUNG BAITULMAL SARAWAK-PUNGUTAN ZAKAT	Zakat
123	PEMBORONG A&L SDN BHD	Lain-lain
124	SURMAP SDN BHD	Lain-lain
125	SYAMURNI SDN BHD	Lain-lain
126	T-POT COMPUTER SDN BHD	Lain-lain
127	YOU LIN STATIONERY ENTERPRISE SDN BHD	Lain-lain